



Manish Dinesh



Niveditaa Manish



Yoghansh

# Mati terjun tingkat 29 selepas racun anak

Berita Harian 21/05/2010

## Pasangan India disyaki alami tekanan hidup

Oleh Hardi Effendi Yaacob  
hardi@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Walaupun memperoleh pendapatan lumayan mencecah RM20,000 sebulan, sepasang suami isteri dari Mumbai, India dipercayai mengalami tekanan hidup hingga mendorong mereka terjun dari tingkat 29 sebuah kondominium mewah di Brickfields, di sini awal pagi semalam.

Pada masa yang sama, Manish Dinesh Wadhawani, 34 dan isterinya, Niveditaa Manish Wadhawani, 29, perunding kewangan bertauliah sanggup membunuh anak mereka, Yoghansh Manish Wadhawani, 2, dengan memaksa beliau menelan pil racun tikus dan paracetamol.

Mayat pasangan itu ditemui di kaki lima Kondominium Villa Scott, Jalan Tun Sambathan dalam berlumuran darah oleh pengawal keselamatan yang meronda di situ kira-kira jam 7.30 pagi manakala mayat anak tunggal pasangan itu ditemui di kediaman mereka di tingkat 14, kondominium sama.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Datuk Ku Chin Wah, berkata

kejadian dipercayai berlaku kira-kira jam 4 pagi berdasarkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) yang menunjukkan pasangan itu terjun dari tingkat atas kondominium berkenaan.

“Seorang pengawal keselamatan menghubungi polis kira-kira jam 7.30 pagi memaklumkan penemuan dua mayat orang dewasa di kaki lima kondominium itu.

“Ini kemudian membawa kepada penemuan anak mereka di atas katil di bilik utama dalam keadaan hidungnya disumbat kapas,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian.

Katanya, polis turut me-

nemui beberapa pil dipercayai paracetamol bertaburan selain sebilah pisau serta tompokan darah di bilik terbit dan puluhan pil racun tikus di bahagian dapur.

“Siasatan awal mendapati pasangan berusia 39 dan 29 tahun itu membunuh anak lelaki mereka sebelum nekad terjun dari tingkat paling atas kondominium berkenaan.

“Dari maklumat yang diperolehi, ketiga-tiga beranak ini tiba di Kuala Lumpur, April lalu dan baru sebulan menyewa di kondominium ini,” katanya.

Ku berkata, pemeriksaan forensik turut mendapati ada kesan kelar di tangan kiri lelaki itu.

“Siasatan turut mengesahkan tiada unsur jenayah ditemui dalam kejadian itu, malah pemeriksaan di rumah mangsa menunjukkan tiada tanda pergolotan.

“Bagaimanapun, motif sebenar kejadian sedang disiasat,” katanya.

Mayat tiga sekeluarga itu dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk bedah siasat, dan Suruhanjaya Tinggi India di ibu negara juga sudah dimaklumkan mengenai kejadian berkenaan.

**“Siasatan awal mendapati pasangan itu membunuh anak lelaki mereka sebelum nekad terjun dari tingkat paling atas kondominium berkenaan”**

**Ku Chin Wah**  
Ketua Jabatan Siasatan  
Jenayah Kuala Lumpur